

### Research and Innovation Festival 2015 (R&I Fest 2015)



Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC) telah menganjurkan *R&I Fest 2015* pada 16 hingga 17 November 2015 di Dewan Tunku Mahkota Ismail (DTMI). Dua kategori yang dipertandingkan adalah kategori **Penyelidikan** (terbuka kepada staf) dan kategori **Inovasi** (terbuka kepada pelajar UTHM). Sebanyak 74 penyertaan diterima daripada staf dan 46 penyertaan diterima daripada pelajar.



Upacara *Soft Launching R&I Fest 2015* telah disempurnakan oleh Profesor Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin, Naib Canselor UTHM pada 16 November 2015. Majlis Perasmian Penutup dan Majlis Penyampaian Hadiah pula telah diadakan pada 17 November 2015 dengan dihadiri oleh Profesor Dr. Wahid Razzaly, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM. Anugerah tertinggi bagi staf iaitu *Best of the Best Award* dimenangi oleh Profesor Madya Dr. Norzila Othman dengan produk bertajuk "*Utilization of Fruit Waste for Industrial Wastewater Remediation*". Bagi anugerah tersebut, beliau dan ahli kumpulan telah menerima wang tunai bernilai RM1,500 berserta sijil dan cenderamata. Sementara itu, anugerah tertinggi bagi pelajar iaitu *Creative Award* dimenangi oleh Mohd Alifsham Musa dengan produk bertajuk "Model Pembelajaran Sistem Hidraulik Pada Lengan Robot". Beliau dan ahli kumpulan menerima wang tunai bernilai RM500 beserta sijil dan cenderamata. *R&I Fest* kali ini juga diserikan dengan Pelancaran *Research Management System (RMS) Versi 2.0*. Dua modul baharu telah dibangunkan iaitu **Modul Laporan Auto-E-Mail Geran Penyelidikan** dan **Modul E-Endowmen**.

### Bengkel Pemantapan Pengurusan Penyelidikan & Inovasi dan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2016 ORICC

Bengkel Pemantapan Pengurusan Penyelidikan & Inovasi dan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2016 ORICC telah diadakan pada 20 hingga 22 November 2015 di Mahkota Hotel Melaka. Bengkel tersebut telah dipengerusikan oleh Professor Dr. Wahid Razzaly, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM. Peserta-peserta bengkel terdiri daripada staf Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Pusat Inovasi, Penkomersilan dan Perundingan (ICC), Institut Kejuruteraan Integrasi (I<sup>2</sup>E), Pusat Kajian Tanah Lembut (RECESS), Pusat Penyelidikan Elektromagnet Gunaan (EMC), Pusat Penyelidikan Shamsuddin - Mikroelektronik dan Nano-Teknologi (MiNT-SRC) dan Pusat Pembuatan dan Bahan Termaju (AMMC). Bengkel ini merupakan satu platform perbincangan bagi menambahbaik sistem pengurusan penyelidikan & inovasi sedia ada serta membincangkan mengenai pencapaian SKT 2015 dan strategi pencapaian SKT 2016.



### Bengkel "Foresight" Halatuju Penyelidikan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)



Bengkel "*Foresight*" Halatuju Penyelidikan UTHM telah berlangsung pada 26 November 2015 bertempat di *Malaysian Technical University (MTU) Showcase, Bangi Gateway Shopping Complex*. Bengkel tersebut dihadiri seramai 16 pegawai UTHM yang diketuai oleh Profesor Dr. Wahid Razzaly, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTHM. Penceramah jemputan yang turut serta dalam bengkel adalah Encik Mohd. Nurul Azammi Mohd. Nudri, Timbalan Pengarah, *MyForesight Malaysian Industry-Government Group for Height Technology (MIGHT)* dengan tajuk "*Global Science and Innovation for Malaysian Technical Universities*", manakala Dr. Viraj Perera, Ketua Pegawai Eksekutif, *Platcom Ventures Sdn. Bhd.* telah menyampaikan ceramah bertajuk "*Technology Foresight on Green Technology and Environmental Engineering*".

### Seoul International Invention Fair 2015 (SIIF'15)

Hasil penyelidikan dan inovasi UTHM telah berjaya menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa dengan kejayaan memperolehi dua Anugerah Khas, tujuh pingat Emas, lima pingat Perak dan satu pingat Gangsa dalam pertandingan Penyelidikan dan Inovasi di Seoul International Invention Fair 2015 (SIIF'15) yang berlangsung pada 25 hingga 29 November 2015 di Hall C, Coex, Seoul Korea. Lebih dari 723 produk hasil penyelidikan dan inovasi menyertai pertandingan ini yang melibatkan peserta-peserta daripada 32 Negara. Pameran ini menjadi platform kepada para penyelidik untuk menjalin hubungan kerjasama dan kolaborasi dengan pihak luar.

